

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 27/9/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Ceramah Antarabangsa Mengenai Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik 3 Oktober

Ceramah antarabangsa mengenai sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik 3 Oktober

KUCHING, Khamis — Festival Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik Antarabangsa (STEM fest) 2013 anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan diadakan dari 29 September 2013 hingga 3 Oktober.

Festival ini akan diisi dengan persidangan melibatkan tujuh persidangan antarabangsa dan mesyuarat selain bengkel, ceramah dan seminar yang akan dihadiri oleh peserta dari 40 buah Negara.

Tema bagi STEMfest 2013 ialah Smart Economic Development Alligning Science, Technology, Engineering and Mathematics Education to a State s Future Human Resource Needs (Pembangunan Ekonomi Pintar Menjajar Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Pendidikan Matematik kepada Keperluan Sumber Manusia Masa Hadapan Negeri).

Maklumat lanjut tentang STEMfest boleh diperolehi di laman web <http://stemstates.org>.

Sesi ceramah oleh penceramah antarabangsa akan diadakan dalam teater Planetarium Sultan Iskandar pada 3 Oktober bermula jam 11 pagi hingga 2.30 petang.

Senarai penceramah yang bakal memberikan ceramah di Planetarium Sultan Iskandar adalah seperti berikut:

- Professor Peter Quinn, International Centre for Radio Astronomy Research Australia

- Ezeliora Bernadette - Building Block for Future Astronaut Using Moon Phase Project

- Mohd Ridhuan Ismail, Agensi Angkasa Negara A Study of Immersive Digital Theatre

- Mohamad Hamka Moslim, Agensi Angkasa Negara Educating Through Mobile Application for National Planetarium

- Jong Tze Kian, Agensi Angkasa Negara Learn Physics With A Water Propelled Rocket

- Kirsten Gottschalk, International Centre for Radio Astron



omy Research Australia Why Do Citizens Donate To Science? Motivations To The Skynet Volunteers

Ceramah ini terbuka kepada orang ramai dan diadakan secara percuma. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Siti Naimah di talian 082 251275.